

CNS8019

U GB 06-08 00172 BA724

aab

Mahathir - Pekerja

SIMPATI KESATUAN SEKERJA AS I NC PALSU, KATA MAHA'I'H I R

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SIMPAPAS PUKUL 10 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Para pekerja negara ini tidak harus terpengaruh dengan kata-kata manis kesatuan sekerja asing kerana simpati mereka adalah palsu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata sebarang tindakan mereka sebenarnya bermatlamatkan kepentingan diri mereka sendiri dan bukannya kepada para pekerja negara ini.

"Percayalah kerajaan pilihan rakyat ini lebih bersimpati kepada pekerja negara ini daripada pekerja dan kesatuan sekerja asing. Simpati mereka adalah palsu," kata Dr Mahathir dalam amanat beliau pada Jamuan Perpaduan di sini sempena Hari Pekerja 1993.

Jamuan Perpaduan, yang merupakan acara perhimpunan tahunan anjuran kerajaan untuk Hari Pekerja, dihadiri oleh para pegawai tinggi kerajaan, majikan dan pemimpin kesatuan sebagai melambangkan persepikatan tiga pihak.

Dr Mahathir berkata kesatuan asing sudah tentu tidak akan bersimpati dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju "yang mampu bersaing dan mengalahkan mereka." -- lagi.

▼06/08/18-01MS"

CNS8024

U GB 06-08 00146 BA725

aab

Mahathir - Pekerja 2 Kuala Lumpur (Embargo)

"Simpati dan persaudaraan pekerja dan kesatuan dari negara maju adalah tidak ikhlas tetapi bertujuan untuk menghancurkan ekonomi negara membangun yang berjaya memasuki bidang industri seperti Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kesatuan asing tidak menghiraukan nasib pekerja termiskin di negara-negara paling mundur (LDC), yang tidak mengeluarkan barangan yang bersaing dengan barangan mereka.

Nasib mereka di negara-negara paling mundur adalah jauh lebih buruk daripada Malaysia, tetapi tidak ada simpati atau semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh kesatuan sekerja asing kepada mereka, katanya.

"Kita berharap pekerja dan kesatuan sekerja di Malaysia tidak terpedaya dengan simpati dan persaudaraan pekerja daripada kesatuan sekerja negara maju.

"Jika nasihat dan bantuan mereka diterima akibatnya ialah pembangunan negara kita akan terjejas dan peluang kerja serta 'security' pekerjaan kita akan terganggu," kata Dr Mahathir. -- lagi.

▼06/08/18-02MS"

Mahathir - Pekerja 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Ini akhirnya akan mengakibatkan Malaysia kembali semula menjadi miskin manakala mereka di negara maju akan terus kaya dan hidup mewah, katanya.

Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya tidak ada cara untuk cepat kaya, baik bagi pengusaha atau pekerja".

Mogok dan tindakan perusahaan mungkin berjaya menaikkan upah dengan cepat tetapi akan menjejaskan pelaburan dan pembangunan negara, lantas meningkatkan pengangguran, katanya.

Beliau berkata, negara seperti Malaysia, yang tidak mampu mengadakan sistem "dole" atau bayaran pengangguran, akan menghadapi tekanan pengangguran yang teruk, yang akhirnya akan menyebabkan lebih banyak perusahaan terpaksa ditutup.

"Sebaliknya, cara yang selamat dan lebih terjamin untuk menaikkan upah ialah dengan menjayakan perusahaan di mana kita bekerja," katanya. -- lagi.

▼06/08/18-07MSH

Mahathir - Pekerja 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri juga berkata para pekerja harus sedar bahawa upah tidak boleh naik terlalu tinggi dan cepat, kerana ia akan mengakibatkan para pelabur pergi ke negara lain.

Katanya, mengekalkan keharmonian perusahaan dan produktiviti tinggi adalah lebih berkesan dan lebih kekal dalam usaha mendapatkan kenaikan upah daripada cara-cara "usang" seperti tindakan perusahaan.

Kenaikan upah cara itu juga tidak akan menyebabkan inflasi, dan tambahan pendapatan akan bermakna tambahan kuasa membeli, katanya lagi.

Dengan memetik "World Competitiveness Report 1993", Dr Mahathir berkata Malaysia sekali lagi merupakan negara keempat "yang paling berdaya saing di kalangan "industrialising countries" dan ia merupakan pencapaian yang membanggakan.

Bagi menjamin daya saing kekal pada tahap yang tinggi, Perdana Menteri berkata para pekerja tidak boleh terikut-ikut cara di negara maju yang sentiasa mendesak upah yang tinggi, kerana ia akan meningkatkan kos pengeluaran dan menjadikan Malaysia tidak kompetitif. -- lagi.

▼06/08/18-39MSH

CNS8090

U GH 06-08 00123 BA731

aab

Mahathir - Pekerja 5 (akhir) Kuala Lumpur (embargo)

Dr Mahathir berkata: "Kegagalan industri di Barat adalah disebabkan oleh kenaikan kos sehingga barangan mereka tidak lagi dapat bersaing dengan barangan dari Asia, termasuk negara-negara membangun seperti Malaysia".

Beliau, bagaimanapun, menegaskan bahawa ia tidak bermakna upah pekerja tidak harus naik sama sekali.

Pendapatan pekerja harus terus meningkat, tetapi peningkatan hendaklah melalui peningkatan daya pengeluaran, katanya.

"Peningkatan daya pengeluaran boleh dicapai dengan peningkatan kecekapan, dengan bekerja lebih kuat, dengan bersedia mempelajari cara-cara pengeluaran baru, dengan etika kerja yang tinggi, dengan suasana kerja yang tertib, dengan disiplin, dengan banyak lagi cara yang tidak melibatkan tambahan kos," kata Dr Mahathir. -- Bernama

AZG NMO

▼06/08/18-40MSH